

 PENANG

16 - 31 DISEMBER, 2022



PENANG  
2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA



[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

# BAJET 2023

## kebajikan dan perumahan rakyat diberi penekanan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** – Menginsafi cabaran ekonomi yang bakal dihadapi rakyat pada tahun depan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk memberikan penekanan terhadap aspek kebajikan dan perumahan rakyat dalam Bajet 2023.

Oleh itu menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Kerajaan Negeri bertindak meningkatkan peruntukan bagi bantuan kewangan melalui program i-Sejahtera kepada RM53 juta berbanding RM50 juta pada tahun lepas.

“i-Sejahtera merupakan program penghargaan yang sangat dekat di hati rakyat Pulau Pinang.

“Sumbangan Kerajaan Negeri berbentuk kewangan ini diberikan sebagai tanda penghargaan dan keprihatinan kepada rakyat negeri ini sama ada kepada warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah sepuhnya masa mahupun seorang bayi berumur dua tahun ke bawah,” katanya semasa membentangkan Belanjawan Negeri Pulau Pinang dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 21 November lalu.

Bukan itu sahaja menurut Kon Yeow lagi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengekalkan peruntukan bagi bantuan kewangan melalui inisiatif Bantuan



KETUA Menteri merakam gambar bersama-sama barisan Exco dan kepimpinan Kerajaan Negeri seusai membentangkan Belanjawan Negeri Pulau Pinang dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima DUN Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Agenda Ekonomi Saksama (BAES) berjumlah RM8.2 juta.

“Program ini adalah bagi menjamin kelangsungan hidup mereka yang berpendapatan rendah dan benar-benar memerlukan yang mana sehingga Oktober tahun ini, seramai 1,305 penerima telah mendapat manfaat,” katanya.

Selain aspek kebajikan, Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri

juga memberikan penekanan kepada persekitaran kehidupan yang selesa bagi rakyat di negeri ini melalui peruntukan keseluruhan berjumlah RM35.9 juta.

Kata beliau, jumlah itu adalah termasuk RM3.1 juta bagi Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin untuk membina rumah baharu dan membaiki rumah asal.

“Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan berjumlah

RM6.8 juta untuk penyelenggaraan Skim Perumahan Kos Rendah atau Sederhana Rendah swasta melalui inisiatif Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

“Manakala sejumlah RM13 juta akan disediakan bagi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang untuk belanja mengurus pada tahun 2023,” ujarnya.

(Sambungan di muka 2).



# Peruntukan RM75.08 juta jamin pembangunan syiar Islam

**GEORGE TOWN** – Sebagai komitmen untuk menjamin kesejahteraan kehidupan umat Islam negeri ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meningkatkan peruntukan bagi tujuan itu kepada RM75.08 juta dalam Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2023.

Semasa membentangkan bajet tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peruntukan itu adalah termasuk bagi tujuan pembangunan institusi Islam dan bayaran bantuan pendidikan.

“Kerajaan Negeri akan terus komited memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan memperkasakan syiar Islam di negeri Pulau Pinang.

“Bagi meneruskan komitmen ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan keseluruhan berjumlah RM75.08 juta bagi memperkasakan pembangunan agama Islam di negeri Pulau Pinang.

“Peruntukan ini merangkumi pembangunan bagi tujuan pembinaan, pemberian dan naik taraf masjid, surau dan sekolah agama, bayaran bantuan pendidikan untuk sekolah agama, bayaran guru KAFA dan pegawai masjid.



“Selain itu, ia turut merangkumi bayaran mengurus jabatan negeri berkaitan hal ehwal agama Islam, peruntukan bagi pelaksanaan program dan majlis agama serta lain-lain yang berkaitan,” katanya dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 21 November lalu.

Tambah Kon Yeow, Pulau Pinang telah dipilih sebagai tuan rumah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2023, dan sebanyak RM3.53 juta diperuntukan bagi tujuan tersebut.

“Saban tahun, pelbagai majlis rasmi agama Islam peringkat negeri Pulau Pinang telah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) seperti Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran, Sambutan Maal Hijrah, Maulidur Rasul dan Festival Nasyid.

“Penganjuran majlis-majlis ini adalah amat penting bagi meraikan peristiwa-peristiwa penting dalam kalender Islam di samping memilih calon-calon yang akan mewakili negeri Pulau Pinang ke peringkat kebangsaan.

“Justeru, Kerajaan Negeri berasa bertuah kerana telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2023,” ujarnya.

## Diskaun sehingga 90 peratus premium tanah demi kebijakan rakyat

**GEORGE TOWN** - Mulai tahun 2023, Kerajaan Negeri akan memberi diskaun premium tanah bagi permohonan pelanjutan tempoh pegangan pajakan (*leasehold*) dan pemberimilikan yang disebabkan tempoh pegangan telah tamat.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya bersetuju memberi diskaun premium dari serendah 50 peratus hingga 90 peratus yang dinilai atas nilai tanah semasa sahaja tanpa mengambil kira struktur yang berada di atas tanah tersebut.

“Kadar diskaun premium ini adalah khusus kepada pemilik-pemilik tanah yang ingin melanjutkan tempoh pegangan pajakan tanah mereka.

“Ia, termasuk kepada bekas pemilik-pemilik tanah atau waris mereka yang mana tempoh pegangan pajakan tanah mereka telah tamat.

“Atas pertimbangan faktor sosial dan kepentingan umum, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan ini demi kebijakan rakyat Pulau Pinang yang layak.

“Kerajaan Negeri berharap pemberian diskaun premium ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh pemilik-pemilik tanah *leasehold* di Pulau Pinang selain meredakan keresahan pemilik-pemilik tanah yang mana ada di antaranya telahpun tamat tempoh pajakan seperti di kawasan Bukit Bendera dan beberapa kawasan lain di seluruh negeri,” jelasnya semasa membentangkan cadangan Bajet 2023 Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 21 November 2022.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menjelaskan bahawa pemberian diskaun premium tersebut adalah merangkumi semua kategori kegunaan tanah iaitu pertanian, bangunan dan perindustrian.



“Pemilik-pemilik individu tanah pertanian dan kediaman merupakan kelompok yang bakal menikmati diskaun paling tinggi iaitu sebanyak 90 peratus.

“Manakala, pemilik tanah perniagaan layak menikmati pengurangan premium sebanyak 80 peratus.

“Pemilik-pemilik tanah perindustrian turut layak menikmati diskaun sebanyak 50 peratus dan 75 peratus mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Selain itu, Kon Yeow menjelaskan bahawa diskaun atau pengurangan premium berkaitan adalah tertakluk kepada beberapa syarat yang akan diperincikan dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang.

“Antaranya adalah pengenaan moratorium pindah milik selama sepuluh tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik (dan) sekiranya pemilik tanah ingin menjual tanahnya dalam tempoh 10 tahun ini, pemilik tanah akan dikenakan bayaran premium sebanyak 100 peratus tertakluk kepada diskaun premium yang telah dibayar sebelum ini.

“Pengenaan syarat-syarat seumpama ini adalah bagi mengekang spekulasi tanah dan mengelakkan pihak-pihak cuba mengambil kesempatan atas pemberian diskaun oleh Kerajaan Negeri,” katanya sambil memberitahu bahawa semua inisiatif Kerajaan Negeri tersebut berdasarkan satu kajian yang dilaksanakan selama hampir dua tahun sebelum ini.

Tambah Kon Yeow, pembinaan institusi Islam terutamanya masjid sangat diberikan penekanan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan berjumlah RM18 juta bagi tahun 2023.

“Selain masjid-masjid yang sedang dalam pembinaan sekarang, turut dalam perancangan bagi tahun 2022 sehingga tahun 2025 adalah pembangunan tujuh masjid lagi.

“Masjid terlibat adalah Masjid Papan di Seberang Jaya, Masjid Sungai Lokan dan Masjid Sungai Dua Utama di Butterworth, Masjid Bandar Raya Seberang Perai di Bandar Cassia, Masjid Lama Sungai Bakap dan Masjid Lama Sungai Kechil di Nibong Tebal serta Masjid Bandar Putra Bertam di Bertam,” jelasnya.

Sebagai rekod, pada tahun 2022, Kerajaan Negeri meningkatkan peruntukan bagi pembangunan syiar Islam di negeri Pulau Pinang kepada RM71.13 juta berbanding RM64.16 juta pada 2021.

(Sambungan dari muka 1).

## Tumpu pendekatan kurang banjir

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa krisis perubahan iklim yang melanda dunia dan negara kini telah mengancam kehidupan rakyat.

Justeru, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang akan meneruskan tumpuan kepada usaha mengurangkan kejadian banjir melalui pelaksanaan beberapa projek tebatan banjir dengan peruntukan RM29.85 juta.

“Ini termasuk mendalam dan membaiki sungai, pengairan dan saliran pertanian, rancangan tali air kecil untuk pengairan, pembangunan pantai, pembangunan koridor sungai, saliran mesra alam, kolam takungan serta lain-lain.

“Selain lima projek berimpak tinggi yang telah siap dibina pada tahun 2021, terdapat dua lagi projek yang baru dimulakan pada Jun 2022 iaitu Projek Tebatan Banjir Van Praagh dan juga Projek Tebatan Banjir Parit Monsun Pokok Assam yang kini mencapai kemajuan enam peratus dan dua peratus.

“Kedua-dua projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 2024,” jelasnya.

Tambah beliau, Belanjawan Pulau Pinang 2023 bertemakan “Pembangunan Mampan Mensejahteraan Rakyat” memperuntukkan sejumlah RM989.47 juta bagi perbelanjaan mengurus iaitu meningkat sebanyak RM54.25 juta berbanding tahun 2022.

“Sementara itu, bajet bagi pembangunan mengurus pula berjumlah RM326.8 juta melalui sembilan jabatan negeri. Jumlah keseluruhan rizab Kerajaan Negeri setakat akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM2.117 bilion termasuk Akaun Amanah Disatukan,” ulasnya lanjut.



# RM6.5 juta wujudkan Pusat Logistik Kemanusiaan Bencana

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri meluluskan penubuhan Pusat Logistik Kemanusiaan Bencana sebagai langkah kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan kejadian bencana yang akan berlaku.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pusat logistik tersebut diwujudkan untuk menempatkan atau menyimpan segala barang atau aset bagi tujuan pengurusan bencana di negeri ini.

“Anggaran kos bagi penubuhan pusat ini adalah sebanyak RM6.5 juta yang meliputi komponen bangunan setingkat berkeluasan 14,000 kaki persegi, dataran parkir bagi kelengkapan lori dan jentera lain ketika bencana dan juga satu (1) ruang helipad.

“Projek pembinaan pusat ini akan dilaksanakan di atas tanah milik kerajaan di dalam Daerah Seberang Perai Tengah iaitu di Jalan Chan Ewe Pin Mukim 14,” katanya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 24 November lalu.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada pertanyaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga, Yusni Mat Piah.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata, Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan cadangan supaya pengurusan premis dan bangunan di

sekitar *Clan Jetty* diambil alih oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

“Model pengurusan di Pengkalan Weld akan digunakan bagi kawasan *Clan Jetty*, yang mana tanah yang berkaitan akan diberi milik kepada CMI dan bangunan komersial di atas tanah tersebut akan disewakan kepada penghuni asal untuk tempoh tertentu melalui satu dokumen perjanjian secara sejaan atau pajakan.

“Dengan kaedah ini, Kerajaan Negeri akan memastikan bangunan-bangunan di kawasan *Clan Jetty* diselenggara dengan baik,” ujarnya sebagai respons kepada cadangan ADUN Pengkalan Kota, Danial Gooi Zi Sen.

## Penyelesaian jangka panjang kejadian banjir kilat LTAPP

**GEORGE TOWN** – Pelaksanaan projek berimpak tinggi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Tiram di Kampung Naran, Bayan Lepas merupakan sebahagian daripada penyelesaian jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi kejadian banjir di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata, pihak Kerajaan Negeri bersama-sama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sentiasa komited dalam memastikan LTAPP berada pada tahap terbaik dan memastikan fasiliti berkaitan ditambah baik demi keselamatan dan keselesaan pengguna.

“Penyelesaian jangka panjang (RTB Sungai Tiram) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah bagi mengurangkan risiko banjir di sekitar kawasan Kampung Naran dan berdekat LTAPP.

“(Malah, pihak MAHB telah membina dua tangki *On-Site Detention* (OSD) pada 2015 yang berkapasiti 264 meter padu ( $m^3$ ) dan 190 $m^3$ , bertindak sebagai takungan penampungan untuk menyimpan aliran permukaan (*surface run-off*) ketika hujan dan melepaskan ke sistem saliran terbuka selepas hujan berhenti.

“MAHB juga menaik taraf sistem pam di kawasan *apron* pesawat dan *turboprop* serta meninggikan paras lantai bangunan terminal di kawasan tersebut pada 2018 dan terbukti berkesan apabila kawasan tersebut tidak dinaiki air lagi ketika hujan lebat.

“(Dan) pada 2019, MAHB membina satu lagi tangki OSD dengan saiz takungan 1,200 $m^3$  yang dibina serentak dengan projek tempat letak kereta bertingkat dan selesai pada September 2022,” ujarnya pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 22 November 2022.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga turut memaklumkan bahawa pihak MAHB sedang merangka pelan pengaliran air hujan dari longkang ke pam bah (sum pump) ke tangki OSD.

“Proses untuk mereka sistem ini masih dalam tindakan pihak MAHB dan dijangka akan dapat digunakan menjelang suku pertama 2023.

“Malah, pihak MAHB sedang dalam proses merangka reka bentuk sistem tangki OSD yang lebih besar untuk menampung curahan air hujan yang berintensiti tinggi.

“Pelan ini akan dimasukkan ke dalam perancangan *National Airport Master Plan* (NAMP) oleh MAHB



ZAIRIL Khir Johari.

bagi LTAPP,” jelasnya bagi menjawab soalan yang diajukan secara lisan oleh ADUN Penaga, Mohd. Yusni Mat Piah di sini.

Terdahulu, Zairil memberitahu bahawa berdasarkan rekod daripada MAHB, LTAPP telah mengalami banjir kilat sebanyak tiga kali iaitu pada 28 Oktober 2018; 3 September 2019 dan 24 September 2022.

“Walau bagaimanapun, tiada penerbangan yang terjejas akibat banjir kerana hanya melibatkan sebahagian kawasan terminal sahaja dan LTAPP juga tidak ditutup akibat kejadian ini yang mana operasi penerbangan keluar masuk berjalan seperti biasa,” katanya.

Bercakap mengenai pembesaran LTAPP, Zairil berkata adalah relevan pembesaran LTAPP dilaksanakan bagi menyokong perkembangan ekonomi di Pulau Pinang serta menampung jumlah penumpang yang meningkat saban tahun.

“Walau bagaimanapun, perancangan rapi perlu seperti pembinaan RTB dan lain-lain infrastruktur bagi memastikan kejadian tidak diingini seperti banjir kilat dapat dielakkan pada masa hadapan.

“Cadangan pembesaran kelak akan turut melibatkan kajian sistem saliran dan peparitan yang mana pada masa sama Kementerian Pengangkutan (MOT) dan MAHB serta agensi-agensi dan pemegang taruh berkaitan kini sedang bekerjasama untuk membolehkan satu reka bentuk mampan dalam merealisasikan pembesaran LTAPP,” hujahnya.

## Pulau Pinang rekod rizab terkumpul lebih RM2 bilion

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang merekodkan rizab terkumpul Kerajaan Negeri berjumlah RM2,004,586,100.95 sehingga 30 September 2022 merangkumi wang awam dan Kumpulan Wang Disatukan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa prestasi kewangan yang kukuh dan stabil itu adalah hasil daripada pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang cekap dan teratur serta mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

“Kerajaan Negeri secara berterusan akan mengamalkan dasar penjimat dan kawalan perbelanjaan mengurus selaras dengan Surat Pekeliling Kerajaan Negeri bagi tujuan mengurangkan kos serta mengelakkan pembaziran.

“Ini penting agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan negeri Pulau Pinang dan kebajikan rakyat negeri ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

“Selain itu, bagi perbelanjaan pembangunan pula, penekanan Kerajaan Negeri adalah supaya perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dibuat mengikut keutamaan dan secara telus telah memberi nilai optimum,” katanya dalam jawapan bertulis yang dibacakan oleh Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato’ Abdul Halim Hussain semasa Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) dekat sini sebentar tadi.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan.

Dalam pada itu, semasa menjawab soalan daripada ADUN Telok Ayer Tawar, Dato’ Mustafa Kamal Ahmad, Kon Yeow memaklumkan bahawa Pulau Pinang merekodkan pelaburan pembuatan yang diluluskan pada suku pertama tahun ini berjumlah RM6.3 bilion.

Beliau berkata, jumlah itu adalah berdasarkan data terkini yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

“Jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan di negeri ini bagi suku kedua pula adalah berjumlah RM1.5 bilion yang menjadikan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi separuh tahun tahun pertama tahun ini adalah sebanyak RM7.9 bilion,” katanya.

## Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14



# PDC akan terus bangunkan ‘kawasan industri baharu’ Batu Kawan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan terus membangunkan Batu Kawan dengan taman-taman perindustrian yang baharu.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata demikian semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini pada 24 November 2022.

“PDC buat masa ini sedang giat membangunkan Taman Perindustrian Batu Kawan, Batu Kawan Timur dan Selatan Penang Science Park.

“Taman-taman perindustrian baharu ini akan menambah

jumlah kawasan perindustrian seluas 1,800 ekar sekali gus menarik minat pelabur asing terutamanya pelabur tempatan seawal pengoperasiannya pada suku pertama tahun 2023,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Menurut Kon Yeow, sejak tahun 2018, pentadbirannya turut berusaha melaksanakan pembangunan seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai termasuk kawasan Batu Kawan, berpandukan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang telah diwartakan pada 24 Oktober 2019.

“RSNPP 2030 ini diterjemahkan oleh Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta

172) dalam bentuk peta cadangan guna tanah serta pelan-pelan tindakan terperinci.

“Tatacara proses penyediaan RT dan RKK telah mengambil kira semua input yang melibatkan data penduduk terkini, keadaan fizikal dan aktiviti semasa guna tanah dan diunjurkan mengikut pola (*trend*) pembangunan semasa sehingga tahun 2030,” ujarnya.

Berikut adalah kaedah pembangunan negeri melalui PDC:

- Pelan Strategik PDC yang memfokuskan kepada pertumbuhan kawasan pembangunan baharu berorientasikan ‘Bandar Hijau dan Pintar’ dan peningkatan nilai aset serta penggerak bagi inisiatif Kerajaan Negeri yang seimbang;

- Pelan Induk Pembangunan Bandar Cassia yang melibatkan kombinasi pembangunan bercampur dan bersepadu melibatkan perumahan, komersial, pendidikan, perubatan dan perindustrian;

- Perancangan pembangunan di Bandar Cassia Technology Park (BCTP) dan Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP 3) bagi memastikan penawaran tanah perindustrian kepada pelabur mencukupi untuk “promoted industries” yang terdiri daripada ‘Electrical & Electronics’ (E&E), Electronics Manufacturing Services (EMS), Light Emitting Diodes (LED), Medical Devices, Aerospace, Semiconductor, Automotive’ dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan;

- Kajian pembangunan Penang Science Park South (PSPS) sebagai kawasan untuk industri am dan makanan (hab halal). Pembangunan hab logistik melibatkan sebahagian tanah BKIP 3 dan PSPS; dan

- Penekanan kepada konsep Environmental Social Governance (ESG) dan Sustainable Development Goals (SDG) dalam peringkat perancangan guna tanah di kawasan pembangunan Kerajaan Negeri melalui PDC. Elemen “work, live, learn and play” serta “green, safe and smart” di kawasan pembangunan baharu bagi memastikan ekosistem, sosial, fasiliti dan peluang pekerjaan mengikut reformasi pasaran dan revolusi pembangunan harta tanah seiring dengan konsep ESG dan SDG.

## Naik elan kehadiran mesyuarat simbol pengiktirafan MPKK

**GEORGE TOWN** - Demi mengiktiraf tanggungjawab serta peranan yang dimainkan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kerajaan Negeri sejak 1 Julai lepas meluluskan pembayaran elan kepada Bendahari MPKK sebanyak RM300 sebulan serta menaikkan elan kehadiran mesyuarat daripada RM50 kepada RM100 sebulan.

Mengambil kira kenaikan itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa Bajet 2023 Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM12.98 juta untuk hal berkaitan.

“Ini, bagi mengiktiraf tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh MPKK,” katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkaasan Komuniti semasa sesi ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 24 November 2022.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Pinang Tunggal turut memaklumkan bahawa sehingga kini, sebanyak 375 MPKK telah diluluskan di seluruh negeri dengan implikasi kos berjumlah RM9.15 juta.

“Sehingga 30 November 2022, sebanyak 375 MPKK telah diluluskan penubuhannya manakala jumlah keseluruhan ahli MPKK adalah seramai 5,640 orang,” jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zakiyuddin turut menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik iaitu mengenai penyertaan masyarakat melalui MPKK.

“Setakat ini, Kerajaan Negeri telah menujuhkan Pusat Penang 2030 di 15 KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) dan sembilan buah pusat lagi dalam perancangan untuk ditubuhkan di negeri ini.

“Pusat ini berkonsepkan ‘shared space’ yang mana ia boleh dimanfaatkan secara optimum bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan, pembangunan sosial dan pemerkaasan komuniti,” ulasnya lanjut.



KETUA Menteri bersama-sama Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Dato' Law Choo Kiang dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bergambar kenangan pada hari terakhir Mesyuarat Kedua Penggal Kelima DUN Pulau Pinang Ke-14 dekat sini baru-baru ini.

## Jajaran Rel George Town – Butterworth, harap Pusat bantu pelaksanaan

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata pihaknya turut berharap Kerajaan Persekutuan baharu dapat membantu Kerajaan Negeri mewujudkan Jajaran Rel George Town - Butterworth demi merosotkan lambakan kenderaan setiap hari di Jambatan Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa projek baharu itu merupakan satu lagi komponen projek di bawah

Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

“Kerajaan Negeri amat berharap agar Kerajaan Persekutuan baharu kelak dapat membantu dan memudahkan pelaksanaan projek-projek yang telah lama dirancang ini,” jelasnya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 24 November 2022.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Padang Kota turut berharap Kerajaan Persekutuan baharu supaya membantu Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa komponen projek lain di bawah PTMP seperti Pan Island Link 1 (PIL 1) dan Transit Aliran Ringan Bayan Lepas (BLLRT).

“Kerajaan Negeri akan menyusuli semula kepada Kerajaan Persekutuan yang baharu bagi projek-projek infrastruktur kritikal bagi memastikan projek-projek ini dapat dilaksanakan segera,” ujarnya.

## Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14



# i-Sejahtera, penghargaan kepada rakyat

**GEORGE TOWN** — Sebanyak RM48,391,400 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui program kebajikan i-Sejahtera sehingga November 2022 yang memberi manfaat kepada seramai 271,137 penerima.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata bahawa program kebajikan i-Sejahtera yang diperkenalkan seawal tahun 2010 adalah sebagai sumbangan penghargaan kepada rakyat negeri ini tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang sosioekonomi.


“Sumbangan Kerajaan Negeri berbentuk kewangan secara tahunan dan secara *one-off* ini diberikan sebagai tanda penghargaan dan keprihatinan kepada rakyat Pulau Pinang.

“Inisiatif ini diberikan kepada warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah sepenuh masa mahupun bayi berumur dua

tahun ke bawah yang mana salah seorang ibu atau bapa merupakan pengundi di Pulau Pinang,” katanya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 23 November lalu.

Selain itu kata Boon Poh, Kerajaan Negeri turut membelanjakan sebanyak RM5,264,000 bagi pemberian sumbangan khairat kematian kepada mereka yang layak.

“Seramai 5,264 waris penerima Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal dan Program Bantuan OKU i-Sejahtera yang telah meninggal dunia menerima manfaat daripada inisiatif ini,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.



P H E E  
Boon Poh.

Dalam pada itu, Boon Poh menyatakan bahawa sebanyak 1,308 tan makanan berjaya diselamatkan melalui program Mutiara Food Bank sejak diperkenalkan pada tahun 2017 yang memberi manfaat kepada hampir 80,000 penerima.

“Mutiara Food Bank telah diiktiraf sebagai “role model” untuk Program Food Bank Malaysia (KPDNHEP), Yayasan Food Bank Malaysia, Kerajaan Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Perlis serta badan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

## Kerja awalan projek pembaharuan semula Rumah Pangsa Padang Tembak jangka tahun depan



JAGDEEP Singh Deo.

soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Ong Khan Lee dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 4 November lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa melalui projek pembaharuan semula tersebut, setiap pemilik sedia ada di projek perumahan Padang Tembak akan diberikan satu unit rumah percuma berkeluasan 750 kaki persegi.

“Pemilik unit yang kini berkeluasan 200 atau 300 kaki persegi dan hanya mempunyai satu bilik serta satu tandas akan diberikan satu unit percuma berkeluasan 750 kaki persegi dengan tiga bilik dan dua tandas.

“Inilah apa yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja di Padang Tembak tetapi juga di beberapa tempat yang lain dan kita akan teruskan projek ini.

“Di Padang Tembak isunya adalah terlalu besar yang memerlukan kita melihat dari segi perancangan bagaimana ia boleh dilaksanakan,” ulasnya lanjut.

“Pada peringkat ini, Pulau Pinang

mempunyai pelan induk yang mana kita telah mengenal pasti 14 projek yang akan dilaksanakan oleh LPNPP iaitu dengan komposisi sembilan projek RMM dan lima projek URC di bahagian pulau.

“Projek URC Padang Tembak adalah salah satu daripada (projek) yang disenaraikan untuk kita lihat bagaimana kita boleh buat pembaharuan semula.

## 38 kawasan Hutan Paya Laut sesuai diwarta Hutan Simpanan Kekal

**GEORGE TOWN** — Sebanyak 38 kawasan Hutan Paya Laut di dalam Tanah Kerajaan dan Tanah Milik Agensi seluas 1,619.22 hektar dikenal pasti sesuai untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata bahawa perwartaan tersebut perlu dilaksanakan secara berhati-hati agar tidak berlaku pertindihan kawasan sekali gus menjaskan fungsi guna tanah serta perancangan pembangunan semasa.

“Hutan Paya Laut merupakan kawasan sensitif alam sekitar yang perlu dipelihara kerana selain fungsinya sebagai benteng hakisan ombak dan nurseri hidupan marin, ia juga mempunyai keupayaan sebagai ‘penyimpan karbon’ yang lebih tinggi.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan seluas 676.48 hektar Hutan Paya Laut yang meliputi daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan daerah Barat Daya untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal.

“Pihak Jabatan Perhutanan Negeri sedang dalam proses siar warta selanjutnya dan kita akan meneruskan kerja-kerja perincian bagi kawasan Hutan Paya Laut selebihnya untuk diwartakan secara berperingkat,” ujarnya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 23 November lalu.

Dalam pada itu, Boon Poh menyatakan bahawa pada masa ini, Pulau Pinang mempunyai Hutan Simpanan Kekal seluas lebih kurang 5,386.77 hektar yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

“Manakala seluas 1,182 hektar lagi adalah Taman Negara Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Taman Negara 1980.

“Secara keseluruhannya, seluas 6,568.77 hektar kawasan berhutan di negeri ini diwartakan di bawah dua perundangan berbeza iaitu bagi tujuan pemeliharaan khazanah hutan dan biodiversiti Negeri Pulau Pinang,” jelasnya.

Selain itu menurut beliau, Pulau Pinang juga telah mewartakan seluas 3,640.85 hektar Hutan Simpanan Kekal sebagai Hutan Tadahan Air pada tahun 2021.

“Jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal untuk tujuan perwartaan sebagai Hutan Tadahan Air ini secara langsung telah meningkat sebanyak dua peratus berbanding jumlah Hutan Simpan Kekal yang diwartakan di bawah EPA 1998 pada tahun 2004.

“Perwartaan ini sudah tentunya penting bagi mengukuhkan lagi jaminan ke atas kawalan kawasan tadahan air tanpa sebarang ancaman pembangunan,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

## Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14



# Tarik pelabur hidupkan sektor pelancongan pasca pandemik

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

**PADANG KOTA** – Pasca pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri berjaya menarik beberapa pelaburan berbentuk pelancongan dalam menghidupkan kembali sektor terbabit.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa kejayaan Kerajaan Negeri dalam merancak dan mengembangkan industri pelancongan juga telah memberi keyakinan kepada pasaran sektor pelancongan serta menarik minat pelabur-pelabur perhotelan ke Pulau Pinang.

“Antara hotel-hotel baru yang telah beroperasi dan bakal beroperasi di Pulau Pinang termasuk Ascott Gurney Penang, Amari Spice Penang, The George Penang, Crowne Plaza Penang, Citadines Connect George Town, Harris Hotel dan Le Méridien dan Penang Intercontinental Resort.

“Di samping itu, Kerajaan Negeri juga bertindak pantas dalam usaha mengembalikan penerbangan antarabangsa mahupun menambah laluan penerbangan terus antarabangsa dalam tempoh yang singkat selepas pembukaan sempadan Malaysia yang berkuat kuasa pada 1 April 2022.

“Antara penerbangan antarabangsa yang sedang beroperasi termasuk Banda Aceh, Denpasar yang merupakan laluan penerbangan terus baharu, Jakarta, Medan, Surabaya, Singapura, Taipei, Thailand, Ho Chi Minh City dan Hong Kong yang akan beroperasi mulai Disember 2022,” ujarnya ketika menggulung perbahasan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 24 November lalu.

Tambah Soon Hin, Kerajaan Negeri juga sedang berusaha menerokai pasaran Eropah, Amerika Syarikat, India, Wilayah Timur Tengah dan sebagainya bagi menarik pelancong-pelancong dari

pasaran sasaran tersebut ke negeri ini.

“Baru-baru ini, pengusaha-pengusaha pelancongan dari *Islamic Republic of Iran* juga telah mengunjungi dan melaksanakan kajian pasaran di negeri Pulau Pinang.

“Ini secara tidak langsung menunjukkan kejayaan Kerajaan Negeri yang mengadakan pelbagai usaha untuk menerokai pasaran baru.

“Pada masa kini, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji kebolehlaksanaan membangunkan ‘Songkhla-Penang Tourism Corridor’ untuk bekerjasama dan mempromosikan kegiatan-kegiatan pelancongan serta ekonomi kreatif secara dua hala antara Pulau Pinang dan Thailand.

“Selain itu, tarikan baharu seperti ‘sunset cruise’ yang dilancarkan Disember 2022 diharap mampu memberi nilai tambah kepada industri pelancongan Pulau Pinang,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan



YEOH Soon Hin.

Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Pada sesi penggulungan tersebut, Soon Hin turut menyentuh mengenai pemuliharaan bangunan warisan, *Michelin Guide* yang bertujuan mengukuhkan Pulau Pinang sebagai destinasi syurga makanan dan mengembangkan sektor ekonomi kreatif sebagai penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

## Garis panduan baharu bina dan pulih rumah rakyat kurang mampu diteliti semula

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri telah meneliti semula Garis Panduan Program Bina Baru serta Bina Pulih Rumah Rakyat Miskin supaya pelaksanaannya lebih efektif dan mencapai objektif utama dalam membantu golongan kurang berkemampuan di negeri ini untuk mendapatkan kediaman yang selesa.

Menurut Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin, antara syarat pemilihan yang telah ditukar adalah pemohon mestilah berdaftar serta disahkan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah sebagai miskin atau berpendapatan isi rumah RM3,170 dan ke bawah atau per kapita RM581.

“Nilai maksimum pembinaan rumah baharu juga telah disemak semula dan dinaikkan daripada RM56,000 kepada nilai baharu iaitu RM75,000 berkuat kuasa pada tahun 2023 nanti.

“Selain itu, bagi program baik pulih rumah pula, nilai siling bantuan dinaikkan kepada RM42,000 yang mana pelaksanaan bantuan ini akan dibuat pada peringkat Pejabat Daerah dengan kelulusan diberikan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing.

“Kaedah perolehan juga diubah kepada PK2.1 iaitu secara gotong-royong bagi memudahkan rumah-rumah kampung dibaiki.

“(Dan) dengan kemas kini garis panduan baharu ini, saya berharap pelaksanaannya



DR. NORLELA ARIFFIN.

pada tahun hadapan juga dipermudah, lebih pantas dan efisien,” ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Dalam sesi sama, Norlela yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan RM2.63 juta sebagai bantuan bayaran sara hidup sebanyak RM500 secara sekali bayar (*one-off*) kepada 5,262 pesawahan di negeri ini.

“Bantuan ini secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri kepada golongan petani di negeri ini berikutnya peningkatan harga bahan input untuk tanaman,” katanya.

## TVET demi tangani isu kurang tenaga kerja

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri melalui *Penang Science Cluster* dan *Penang STEM* telah melancarkan Program Pembangunan Bakat Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) demi menangani isu kekurangan tenaga kerja dalam bidang berkaitan yang dihadapi sejak tahun 2022.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi berkata demikian semasa sesi ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 23 November 2022.



PROF. DR. P. RAMASAMY.

Jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai itu lagi, program TVET adalah perintis peringkat negeri yang akan memberi fokus kepada dua kemahiran utama iaitu automasi dan pemesinan.

“Sehingga bulan Ogos 2022, seramai 402 pelajar telah menyertai program ini dari 13 sekolah di Pulau Pinang dan ia akan diperluaskan lagi ke sekolah-sekolah lain pada tahun-tahun akan datang.

“Program ini dijangka akan menyediakan seramai 250 pelajar untuk menyambung pelajaran dalam bidang TVET sama ada ke program belajar sambil bekerja (secara) pekerjaan sepenuh masa dan pengajian sambilan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ke atas bermula tahun 2024,” jelasnya sambil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan terhadap program STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

Demi menggalakkan usaha-usaha menyediakan tenaga buruh dalam bidang berkaitan, beliau turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM850,000 untuk *Tech Dome Penang*, *Penang Science Cluster* (RM680,000) dan RM650,000 bagi *Penang STEM* serta *Penang Math Platform*.

## Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14



# Hasrat wujudkan 40 Pusat Belia

**PADANG KOTA** - Dalam memperkasakan belia di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut menzahirkan hasrat mewujudkan 40 Pusat Belia meliputi setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

“Sebanyak lapan pusat belia sudah siap dan dirasmikan iaitu di Penaga, Balik Pulau, Bertam, Penanti, Bagan Jermal, Sungai Pinang, Batu Kawan dan Seberang Jaya.

“Terdapat 53 program yang disertai seramai 2,223 individu juga telah dijalankan di kesemua lapan pusat belia sejak yang pertama dirasmikan iaitu di Penaga pada 11 April 2021.

“Program-program yang dijalankan adalah diyakini dapat memberi impak sangat baik daripada pelbagai aspek insaniah dan kemahiran diri para belia di Pulau Pinang.



SOON Lip Chee.

“Antaranya, temu duga terbuka secara dalam talian yang membuka peluang pekerjaan kepada belia terutama para graduan universiti; program mengenai hobi serta bakat yang membawa kepada pembangunan diri seseorang belia; menjalankan kelas tutor dan bengkel digital bagi

meningkatkan kemahiran serta akademik belia setempat,” ulasnya.

Menutup perbahasan tersebut, Lip Chee sempat memberi respons mengenai isu mat rempit yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan.

Maklum Lip Chee, pihaknya sudah mengadakan dialog bersama-sama enam wakil kelab motosikal Seberang Perai dalam memperhalusi isu terbabit.

“Program dialog ini memperoleh maklum balas yang baik daripada wakil kelab motosikal di Pulau Pinang dengan mencadangkan beberapa perkara iaitu pembinaan litar lumba di Batu Kawan.

“Cadangan keperluan pengurusan yang baik bagi tujuan penyelenggaraan juga dititikberatkan. Dalam konteks ini, dua jenis litar telah dicadangkan iaitu jenis trek perlumbaan dan jenis drag (200 - 500 meter jalan lurus),” katanya.

## Selenggara kemudahan sukan ikut permintaan setempat

**PADANG KOTA** - Sejak tahun 2018, sebanyak 78 projek pembangunan dan penaiktarafan gelanggang sukan telah dan sedang dijalankan dengan peruntukan digazetkan berjumlah RM1.5 juta setahun bagi tahun 2018 hingga 2020.

Tambah Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, bagi tahun 2021 dan 2022, sebanyak RM1.6 juta setahun diperuntukkan bagi tujuan sama.

Menurut beliau, antara jenis gelanggang sukan tersebut adalah termasuk futsal, bola keranjang, bola jaring, padang bola serta padang awam, laluan jogging, bola tumpar pantai, sepak takraw, sepak raga tuju, laluan berbasikal, kabaddi dan badminton.

“Dalam pada itu, saya juga ingin menyeru dan mengalu-alukan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk mengkaji dan mengemukakan permohonan gelanggang sukan ke pejabat saya berdasarkan permintaan masyarakat setempat bagi memastikan kemudahan yang dibina adalah berdasarkan keperluan serta permintaan penduduk.

“Hasil daripada maklum balas berkaitan, lawatan dan semakan status tanah akan diatur bagi mengkaji kesesuaian pelaksanaan pembinaan atau penaiktarafan kemudahan sukan di kawasan tersebut,” ujarnya dalam ucapan penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Kali Ke-14 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Lip Chee merakamkan penghargaan kepada ADUN Berapit, Heng Lee Lee dan ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz yang telah menunjukkan hasrat untuk membina lebih banyak gelanggang sukan awam di KADUN masing-masing.

Mengenai cadangan ADUN Bertam, Khalid Mehtab Mohd. Ishaq untuk mengoptimumkan penggunaan Kompleks Sukan Titi Mukim, beliau menyatakan bahawa ia sememangnya digunakan oleh atlet Sukan Malaysia (SUKMA) Pulau Pinang.

“Ia digunakan secara penuh masa sebagai tempat latihan atlet-atlet SUKMA dan pelapis negeri bagi sukan petanque, tinju, badminton, sepak takraw dan bola lisut.

“Selain itu, kompleks tersebut turut berperanan sebagai lokasi pembangunan sukan peringkat akar umbi zon Seberang Perai Utara (SPU) melibatkan sukan bola lisut, olahraga, badminton dan juga bola sepak yang dikendalikan dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan kelab-kelab tempatan untuk membangunkan atlet-atlet perintis dan pelapis negeri.

“Sehubungan itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa mengambil maklum tentang status penggunaan serta isu-isu penyelenggaraan yang perlu dilaksanakan,” ujarnya.

Tambah Lip Chee, sebanyak 19 kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf akan dilaksanakan secara berkala dari semasa ke semasa mengikut keperluan serta keutamaan.

“Sebagai contoh, kerja-kerja membaik pulih gelanggang petanque telah dilaksanakan pada Disember 2021 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM9,400, dan bagi tahun 2023, kerja-kerja menukar ganti pagar sekeliling kompleks tersebut juga antara perancangan,” ulasnya.

## Geran peruntukan pacu pertumbuhan industri halal

**GEORGE TOWN** - Sejumlah RM1.5 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri melalui geran peruntukan kepada agensi halal negeri, *Penang Halal International* (PHI) untuk tahun 2023 dalam usaha memacu kitaran pertumbuhan industri halal di negeri ini.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato’ Abdul Halim Hussain berkata, geran peruntukan tersebut akan digunakan oleh PHI dengan memfokuskan kepada tiga teras.

“Pertamanya, pemerkaasan usahawan tempatan ke arah ekonomi digital dan halal, disusuli dengan tumpuan pelaburan domestik serta antarabangsa dalam industri halal di Pulau Pinang.

“Akhir sekali adalah mewujudkan hab data serta mengadakan perbincangan mengenai halal dan wacana perniagaan global bagi memastikan kitaran pertumbuhan industri halal dalam pelbagai sektor dapat dipacu sewajarnya di negeri ini.

“Malah, ia juga merupakan sebahagian daripada fokus PHI melalui visinya untuk Memanfaatkan Sinergi Halal atau ‘Harnessing Halal Synergies’ ditambah dengan usaha untuk mengadaptasikan perkembangan digital dan inovasi baharu,” ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Halim memaklumkan bahawa berdasarkan Petunjuk Ekonomi Islam Global, pasaran halal global dijangka berkembang daripada RM8.8 trillion seperti dilaporkan pada tahun 2021 kepada RM14 trillion menjelang 2028.

“Industri halal dijangka menyumbang 8.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan berpotensi menjana RM56 bilion hasil eksport pada 2025 nanti berbanding RM31 bilion pada 2020.

“Petunjuk ini dibuat berlandaskan inisiatif digitalisasi ekonomi, pembangunan infrastruktur halal dan peningkatan fokus kerajaan terhadap sekuriti makanan serta penjagaan kesihatan.

“Industri halal ini dilihat mempunyai potensi besar memandangkan ia sesuai untuk semua tanpa mengira bangsa dan agama kerana berkait rapat dengan jaminan kualiti, pemuliharaan persekitaran, integriti dan ketelusan data serta amalan perniagaan lestari,” jelasnya.

Tambah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung itu lagi, melalui PHI juga Kerajaan Negeri telah menyediakan platform e-dagang iaitu saluran baharu kepada komuniti perniagaan untuk memanfaatkan platform perniagaan secara dalam talian.

“Dianggarkan seramai 42,935 usahawan telah memperoleh manfaat daripada kerjasama pintar ini dan



ABDUL Halim Hussain.

mencatatkan pertumbuhan nilai dagangan kasar (GMV) sebanyak RM150 juta.

“Usaha ini juga sekali gus mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat kegiatan halal rantaian bekalan dan rantaian nilai serta melonjakkan ketahanan ekonomi negeri ke arah mempercepatkan pencapaian Visi Penang2030,” ulasnya lanjut.

Menyentuh mengenai perancangan pembangunan usahawan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Abdul Halim memberitahu bahawa peruntukan berjumlah RM800,000 yang diterima pada tahun 2023 nanti akan dimanfaatkan untuk penganguran program-program keusahawanan termasuk perkasakan Program Keusahawanan Satu Budaya.

# Pusat pengedaran global Boston Scientific Asia kini di Batu Kawan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
 Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BUKIT TAMBUN** - Peneraju bidang teknologi perubatan global, *Boston Scientific Corporation* (*Boston Scientific*) yang membekalkan peranti untuk pasaran utama kini mengembangkan operasinya dengan membangunkan pusat pengedaran global di Batu Kawan.

Pembangunan fasiliti terbaru seluas 110,000 kaki persegi itu dijangka menjana kira-kira 300 peluang pekerjaan untuk tahun-tahun mendatang.

Pusat pengedaran global tersebut merupakan yang ketiga untuk syarikat itu dan pertama di Asia, melibatkan edaran peranti perubatan di Malaysia dan seluruh dunia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan rasa bangga apabila Pulau Pinang dipilih sebagai lokasi pengoperasian pusat pengedaran global pertama syarikat itu di rantau ini.

"Pengembangan operasi ini menunjukkan bahawa ekosistem sektor perindustrian Pulau Pinang yang dinamik disokong oleh faktor logistik telah membolehkan syarikat ini (*Boston*

*Scientific*) perluaskan 'sayap' bukan sahaja di negeri ini tetapi juga seluruh Asia.

"(Dan) dengan perkembangan terbaharu ini, Pulau Pinang kini akan menjadi 'pintu' utama dalam rantaian bekalan global *Boston Scientific* sekali gus meningkatkan daya tahan serta ketangkasannya dalam persekitaran perniagaan yang dinamik di Asia Pasifik, khasnya.

"Saya gembira kerana reputasi negeri yang semakin meningkat sebagai hab pembuatan peranti perubatan dengan kos kompetitif serta infrastruktur yang mantap, mengukuhkan lagi pemilihan syarikat untuk mengembangkan operasi di sini (Pulau Pinang).

"Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan terhadap kemampunan dan ketersediaan kumpulan bakat pada masa hadapan yang mana telah memberi keupayaan untuk memenuhi kehendak teknologi serta strategi pertumbuhan para pemain industri di sini," ujarnya ketika hadir menyempurnakan perasmian pembukaan pusat pengedaran global baru *Boston Scientific* di Taman Perindustrian Batu Kawan dekat sini 14 November lalu.



**KETUA MENTERI bersama-sama dif jemputan lain menyempurnakan pembukaan pusat pengedaran global baharu *Boston Scientific* di Batu Kawan baru-baru ini.**

Sementara itu, Naib Presiden Kanan (Rantaian Bekalan Global) *Boston Scientific*, Paudie O'Connor memberitahu bahawa fasiliti syarikat itu di Pulau Pinang berfungsi sebagai gudang pengedaran dan hab operasi merangkumi perancangan, logistik, penjagaan pelanggan dan pemberian perkhidmatan peralatan.

"Fasiliti pertama kami di Pulau Pinang adalah pada 2017 dan sejak itu,

perjalanan operasi kami amat hebat berikutan sokongan daripada Kerajaan Negeri yang sedia membantu, kumpulan bakat yang berkebolehan dan lokasi yang strategik.

"Oleh sebab itu, kami memilih Pulau Pinang sebagai lokasi mengembangkan operasi kami dan menubuhkan pusat pengedaran global di sini," jelasnya.

Diskain 5% untuk Bumiputera

## Kediaman Idaman di Batu Kawan yang kian membangun



Hanya 3km dari Kawasan Perindustrian Batu Kawan (BKIP) di mana peluang kerjaya semakin bertambah




Nikmati gaya hidup mewah berkonsep kondotel dengan lebih daripada 70 jenis kemudahan rekreasi

Kunjungi Galeri Jualan kami di Design Village! Unit contoh sedia dikunjungi.

**BINAAN DALAMAN LUAS TANPA TIANG UNTUK KESELESAAN MAKSIMA**

**TERLETAK BERSEBELAHAN DENGAN DESIGN VILLAGE OUTLET MALL**

**anggun residences**  
DESIGN VILLAGE • BATU KAWAN



**PE DEVELOPMENT (PENANG) SDN BHD (1115528-P)**  
**Galeri Jualan**  
 Lot G-18, Design Village Outlet Mall, (bersebelahan Burger King)  
 733, Jalan Cassia Barat 2, 14110 Bandar Cassia, Penang.  
 f anggunresidences i anggunresidences

**012-440 3933**  
[anggunresidences.com.my](http://anggunresidences.com.my)



**UOB** 大华银行  
*Project Financier*

# Pertimbang mulakan kerja awalan pembinaan Masjid Bandar Raya

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & AHMAD ADIL MUHAMAD**

## **BUKIT TAMBUN** -

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertimbangkan untuk memulakan kerja-kerja awalan bagi pembinaan Masjid Bandar Raya dekat Batu Kawan di sini dalam kadar yang segera.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa langkah itu adalah bagi mendesak Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan peruntukan berjumlah RM6.6 juta yang diluluskan semasa pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan.

